

'Projek berteknologi tinggi jangan abai alam sekitar'

Anwar puji Pulau Pinang jadi pilihan pelabur asing dalam ekosistem semikonduktor

Georgetown: Datuk Seri Anwar Ibrahim berharap pembangunan baharu yang berteknologi tinggi di negara ini seperti projek Kereta Kabel Bukit Bendera, tidak melupakan soal alam sekitar dan budaya setempat dalam seni binanya.

Tegas Perdana Menteri, walaupun teknologi moden dengan infrastruktur hebat mengagumkan, sangat merugikan jika sesuatu pembangunan itu gersang budaya, khususnya di Bukit Bendera yang mempunyai banyak ciri yang unik.

"Dalam usaha kita mempromosikan Kereta Kabel Bukit Bendera dengan teknologi moden, kita mesti sentiasa mementingkan alam sekitar dan ciri budaya Pulau Pinang dan Malaysia yang unik supaya ia kekal menarik.

"Projek ini sememangnya mengambil kira aspek persekitaran dalam rancangan pembinaannya, tapi kita juga mahu tekankan mengenai budaya supaya ada keindahan dan kelainan dalam bidang seni bina, yang diserasikan dengan kedudukan Pulau Pinang," katanya.



Anwar bersama Kon Yeow dan Pengarah Eksekutif Kumpulan Hartasuma, Tan Sri Ravindran Menon pada Majlis Perasmian Pecah Tanah Kereta Kabel Bukit Bendera di Georgetown, semalam. (Foto Mikail Ong/BH)

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Perasmian Pecah Tanah Kereta Kabel Bukit Bendera, di sini semalam.

Yang turut hadir, Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya, Datuk Seri Tiong King Sing dan Ketua Menteri Pulau Pinang, Chow Kon Yeow.

Bangun prasarana asas

Dalam pada itu, Perdana Menteri memuji kerajaan Pulau Pinang yang terus memegang kedudukan penting dalam ekosistem semikonduktor dunia dan menjadi pilihan pelabur asing dalam bidang terbabit.

Sehubungan itu, Anwar berkata, Kerajaan Persekutuan akan lebih memberi perhatian kepada

Pulau Pinang, khususnya dalam pembangunan prasarana asas bagi menaikkan keupayaan negeri sebagai pusat industri dan pelancongan yang baik.

"Fokus kerajaan negeri itu betul dan saya harap Pulau Pinang akan terus meningkatkan program latihan dan bersinergi dengan Kementerian Pendidikan Tinggi, Kementerian Sumber Manusia dan lain-lain.

"Dengan ini, keupayaan anak Pulau Pinang dapat diangkat lebih tinggi dalam bidang kejuruteraan, sains serta Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET)," katanya.

Sementara itu, Kon Yeow berkata, projek mercu tanda yang diilhamkan Perbadanan Bukit

Bendera Pulau Pinang (PBBPP) dengan kerjasama Hartasuma Sdn Bhd dan dijangka siap pada suku ketiga 2026 itu menandakan langkah penting dalam usaha kerajaan negeri meningkatkan infrastruktur pelancongan.

Selain itu, beliau berkata, projek berkenaan dapat memperbaiki ketersambungan dan akses ke Bukit Bendera, di samping mengubah destinasi bersejarah itu menjadi destinasi yang wajib dikunjungi.

"Pada 2023, Bukit Bendera menerima 1.67 juta pengunjung, menghampiri angka prapandemik, iaitu sebanyak 1.9 juta pengunjung pada 2019," katanya.

BERNAMA